

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YB TUAN WONG HON WAI [BUKIT BENDERA]

SOALAN

YB TUAN WONG HON WAI [BUKIT BENDERA] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah angka pelancongan domestik berdasarkan negeri bermula pada bulan Julai 2020 sampai ke bulan Oktober 2020 dan berapa jumlah pengangguran dalam sektor pelancongan akibat daripada pandemik covid-19.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, maklumat Survei Pelancongan Domestik terkini yang diterbitkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia atau DOSM adalah bagi tahun 2019 manakala maklumat bagi tahun 2020 akan dikeluarkan secara rasmi pada bulan Jun 2021.

2. Bagi jumlah pengangguran pula, berdasarkan Laporan Tenaga Buruh yang dikeluarkan oleh DOSM bagi bulan Mac, April dan Mei 2020 menunjukkan kadar pengangguran meningkat semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan. Manakala, jumlah penduduk bekerja mencatatkan penurunan bagi ketiga-tiga bulan ini. Penduduk bekerja yang terjejas adalah dalam sektor Perkhidmatan; terutamanya industri yang berkaitan dengan pelancongan seperti aktiviti penginapan, makanan dan minuman, perdagangan runcit, perancang acara, aktiviti sukan dan rekreasi.

3. Bagaimanapun bermula bulan Jun 2020, semasa Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) sedikit peningkatan di dalam pasaran tenaga buruh Malaysia dapat dilihat dalam sektor Perkhidmatan terutamanya aktiviti penginapan, makanan dan minuman, pengangkutan dan penyimpanan. Namun, menjelang akhir bulan September 2020, kes baharu COVID-19 yang naik dengan mendadak dan mencapai empat digit pada akhir bulan Oktober 2020, menyebabkan gelombang ketiga yang juga merupakan gelombang terbesar. Justeru, pasaran buruh dijangka akan terus berdepan dengan cabaran dalam memperolehi kembali momentumnya.

Sekian, terima kasih.